

PENYALAHGUNAAN DADAH & KESAN-KESANNYA TERHADAP KANAK-KANAK DAN ANAK-ANAK MUDA

a) KESAN KEPADA KANAK-KANAK APABILA SALAH SEORANG DARIPADA AHLI KELUARGA MEREKA MENYALAHGUNAKAN DADAH

Penyalahgunaan dadah oleh salah seorang ahli keluarga akan mempunyai kesan yang ketara dan meninggalkan impak terhadap fungsi dan dinamik keluarga.

Keluarga akan melalui tekanan yang berat, konflik dan juga kebimbangan sebagai kesan kerana ingin melindungi ahli keluarga daripada bahaya-bahaya dan kemudaratan yang berkait dengan penyalahgunaan dadah, dan juga untuk menghadkan kerosakan yang dibawa oleh kelakuan terhadap ahli-ahli keluarga yang lain.

- Keperluan-keperluan asas kanak-kanak – diet dan pemakanan yang bernutrisi, kesihatan dan persekolahan – mungkin terbiar jika salah seorang daripada ibu bapa mengambil dadah.
- Kanak-kanak akan mempunyai risiko di mana emosi dan fizikal mereka akan terbiar ketika membesar. Kanak-kanak ini akan secara perlahan-lahan menjauhi diri mereka sendiri daripada realiti sebagai mekanisma di dalam menghadapi penyalahgunaan dadah ibu atau bapa mereka. Kanak-kanak ini juga berisiko untuk mendapat masalah-masalah emosi dan sosial di masa hadapan kelak.
- Kanak-kanak mungkin merupakan mangsa kepada keganasan – secara fizikal dan mental daripada ahli keluarga yang menyalahgunakan dadah.
- Kanak-kanak mungkin kehilangan kehidupan mereka ketika ini kerana mereka terpaksa mengambil-alih tanggungjawab di dalam memberi penjagaan emosi dan lain-lain untuk ibu atau bapa mereka yang menyalahgunakan dadah. Ini termasuklah melindungi ibu atau bapa mereka daripada kemudaratan.
- Kanak-kanak mungkin akan menjadi “ibu bapa” sekiranya kedua-dua ibu bapa mereka menyalahgunakan dadah dan tidak dapat memenuhi tanggungjawab mereka atau memainkan peranan mereka sebagai penjaga. Kakak atau abang mungkin terpaksa menjaga adik-adik lelaki dan perempuan mereka – untuk memastikan mereka dapat meneruskan persekolahan mereka, dan juga untuk memastikan rumah mereka berada di dalam keadaan yang teratur.
- Kanak-kanak mungkin dipaksa berbohong, di mana kehidupan keluarga mereka dirahsiakan untuk melindungi ibu bapa, kakak atau abang mereka yang menyalahgunakan dadah.
- Kanak-kanak terpaksa menghadapi pelbagai perasaan marah, sedih, cemas, malu, diasingkan dan stigma apabila ibu atau bapa, abang-abang dan kakak-kakak mereka menghadapi ketagihan dadah.
- Kanak-kanak mungkin akan berputus asa dan merasa tiada harapan bagi mereka untuk mengubah masalah dadah di dalam keluarga mereka.
- Kanak-kanak mungkin akan mula mencuba mengambil dadah akibat daripada terdedah kepada budaya penyalahgunaan dadah di dalam keluarga mereka.

b) KESAN KEPADA KANAK-KANAK APABILA SALAH SEORANG IBU ATAU BAPA YANG MENGGUNAKAN DADAH MENJADI HIV POSITIF

Risiko untuk mendapat jangkitan HIV termasuk di dalam persamaan penggunaan dadah hari ini. Cara jangkitan HIV di Malaysia yang selalu dilaporkan adalah melalui penggunaan dadah secara menyuntik.

Kanak-kanak akan menderita apabila salah seorang daripada ibu atau bapa mereka menyuntik dadah dan kemudiannya dijangkiti HIV:

- Kanak-kanak akan mengalami penderitaan psikologikal dan kesusahan apabila salah seorang ibu atau bapa mereka jatuh sakit dan kemudiannya meninggal dunia. Ini menjadi lebih teruk kerana HIV/AIDS dikaitkan dengan stigma dan diskriminasi.
- Kanak-kanak dipaksa mengalami masalah kewangan apabila salah seorang ibu atau bapa mereka terlalu sakit untuk bekerja. Di dalam sesetengah kes, kanak-kanak tersebut terpaksa memikul tanggungjawab untuk menampung keperluan keluarga.
- Kanak-kanak mungkin terpaksa menarik diri daripada sekolah kerana tekanan yang tinggi untuk menampung dan juga menjaga ibu atau bapa mereka yang sakit ataupun adik-beradik lain yang sakit. Tekanan untuk meninggalkan sekolah semakin tinggi apabila salah seorang atau kedua-dua ibu dan bapa mereka meninggal dunia.
- Kanak-kanak yang menjadi yatim piatu kemungkinan besar tidak cukup nutrisi atau akan jatuh sakit – dan mungkin tidak akan mendapat penjagaan perubatan yang mereka perlukan.
- Kanak-kanak yang menjadi yatim piatu disebabkan oleh AIDS mungkin kali ditipu daripada harta warisan mereka.
- Kanak-kanak yatim piatu yang tidak mempunyai tempat tinggal selalunya akan dipaksa pindah ke tempat-tempat yang tidak mereka kenali dan juga tidak selesa.
- Kemiskinan dan tanpa ibu dan bapa untuk memberi pendidikan dan juga melindungi mereka, kanak-kanak yang telah menjadi yatim piatu dan kanak-kanak yang mendapat kesan daripada jangkitan HIV ini terpaksa menghadapi pelbagai jenis penderaan dan risiko, termasuklah jangkitan HIV. Kebanyakan mereka dipaksa untuk melakukan kerja-kerja merbahaya yang dieksploitasi – termasuklah melakukan seks untuk duit, makanan, ‘perlindungan’ atau tempat untuk berteduh.